

27 APR 2002

AGONG DAN PERMAISURI AGONG HADIR JAMUAN TEH DIRAJA

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid hari ini menghadiri jamuan teh diraja di perkarangan Istana Negara di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara kira-kira 2,000 tetamu yang hadir pada jamuan itu yang diadakan sempena pertabalan Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12.

Turut berangkat ialah Pemangku Raja Perlis, Tunku Syed Faizuddin Putra Alhaj dan Raja Puan Muda Perlis, Lailatul Shahreen, serta kerabat diraja Perlis yang lainnya.

Jamuan itu turut dihadiri oleh duta, persuruhjaya tinggi dan diplomat asing di negara ini, menteri-menteri kabinet, ketua-ketua jabatan kerajaan serta ahli korporat.

Sepanjang majlis itu, para hadirin dihiburkan oleh dua penyanyi tempatan iaitu Salimah Mahmud dan Naser Wahab dengan diiringi persembahan muzik oleh Kombo RTM.

-- BERNAMA

FA AKT RHM